

PEJABAT KEWANGAN DAN  
PERBENDAHARAAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
TINGKAT 5, BLOK D, WISMA NEGERI,  
70503 SEREMBAN.



ڦجاٽ ڪواعن دان ڦربنداهاراً نُكري،  
نُكري سمبيلن دارالخصوص

Pengurusan Kewangan  
Telefon: 06 - 7659675  
Telefax: 06 - 7636352

Khidmat Pengurusan  
Telefon: 06 - 7659047  
Telefax: 06 - 7671702

Perbendaharaan Negeri  
Telefon: 06 - 7659757 / 46 / 47 / 49 / 58  
Telefax: 06 - 7659776 / 06 - 7675119

Fail Kami : P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.4 (8)  
Tarikh : ۲۲ Safar 1440H  
31 Oktober 2018

**SEMUA KETUA JABATAN NEGERI  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
BADAN BERKANUN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YB Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SEMAKAN TERHADAP KADAR BEKALAN PAKAIAN SERAGAM BAGI  
JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman YB Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan, Pentadbiran ini sedang dalam proses untuk menambahbaik dan mengemaskini **Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri Bilangan 5 Tahun 2017 – Peraturan dan Kadar Bekalan Pakaian Seragam bagi Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Sembilan**.

3. Sehubungan dengan itu, mana-mana jabatan/agensi kerajaan Negeri yang berkaitan dan mempunyai **pakaian seragam khas** yang tidak tersenarai di dalam pekeliling tersebut hendaklah mengemukakan anggaran kos yang terkini bagi membolehkan pihak pentadbiran ini menambahbaik jenis pakaian seragam dan kadar sedia ada.

4. Pihak YB Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengemukakan **anggaran kos** tersebut beserta dengan **bukti kajian pasaran** kepada Pentadbiran ini selewat-lewatnya pada 23 November 2018 (Jumaat).

5. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(SYAHRUNIZAM BIN SHAHWAN)**  
b.p Pegawai Kewangan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus